

15 MAY 1998

Mahathir-Dana (Bergambar)

DR M DAN ISTERI SUMBANG RM125,000 UNTUK DANA KHAS NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah menyumbangkan mata wang asing dan barang kemas bernilai RM125,000 kepada Dana Khas Negara.

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Datuk Syed Danial Syed Ahmad berkata, sumbangan mereka akan dilelong tidak lama lagi dan harganya dijangka melebihi penilaian yang dibuat oleh pihak yang mengumpulkannya.

Perdana Menteri menyumbang mata wang asing pelbagai negara miliknya bernilai RM15,000 manakala Dr Siti Hasmah menyumbang mata wang asing dan barang kemas bernilai RM110,000 termasuk barang kemas berlian bernilai RM70,000, katanya.

"Sumbangan Perdana Menteri itu akan dilelong tidak lama lagi dan pembelinya akan diberikan sijil khas yang mempunyai tanda tangan Perdana Menteri sebagai tanda ianya koleksi pemimpin negara," katanya di sini, hari ini.

Dana Khas Negara ditubuhkan pada 6 Mac lepas untuk mengumpul sumbangan orang ramai bagi membantu menangani kegawatan ekonomi negara. Kerajaan melantik tiga buah bank iaitu Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Islam dan Bank Rakyat Malaysia Berhad sebagai pusat kutipan derma-derma itu.

Syed Danial berkata sumbangan Perdana Menteri itu boleh dijadikan teladan kepada rakyat dalam membantu menstabilkan ekonomi negara.

Beliau berkata dana itu kini berjaya mengumpulkan wang dan barang kemas bernilai RM2.6 juta hasil sumbangan orang ramai dalam bentuk mata wang asing dan lapan kilogram barang kemas termasuk berlian yang bernilai RM700,000.

Kutipan bagi dana itu yang mendapat sambutan amat menggalakkan akan diteruskan sehingga 6 Julai ini dan dijangka akan dapat mengumpul RM1 bilion setelah negeri-negeri lain termasuk Pulau Pinang dan Johor melancarkan kutipan bagi dana itu tidak lama lagi.

"Dana itu berjaya menarik minat ramai di seluruh negara tetapi perlu ada jangka masa tertentu kerana kita tidak mahu minat orang luntur," katanya.

Beliau berkata barang kemas yang diterima dalam pelbagai bentuk termasuk yang mempunyai nilai-nilai kebudayaan seperti yang digunakan dalam majlis perkahwinan akan dileburkan dan dijual kepada sebuah gedung di Switzerland apabila nilai emas naik, bergantung kepada nasihat Bank Negara.

Syed Danial berkata mereka yang mahu menyumbang mata wang asing tetapi dalam jumlah yang sedikit boleh berbuat demikian melalui persatuan-persatuan tertentu dan bagi yang ingin menyumbang dengan jumlah yang banyak tidak perlu bimbang kerana dari mana asal wang itu tidak akan dipersoalkan.

Apa yang penting ialah wang itu dapat digunakan untuk mengukuhkan rizab negara bagi memulihkan keadaan ekonomi.

-- BERNAMA

NHD PR